

18 MAY 1999

Zaharah-Panel

PANEL PEGUAM WANITA UMNO UNTUK KES DI MAHKAMAH SYARIAH

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- Wanita Umno akan membentuk panel peguamnya dari kalangan anggota pergerakan itu bagi membantu kes wanita yang tidak mendapat pembelaan sewajarnya di Mahkamah Syariah.

Ketua Pergerakan itu Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman hari ini berkata Wanita mahu memberikan bantuan berikutan banyaknya kes membabitkan wanita Islam terutamanya kes-kes rumah tangga, yang tertunggak dan tidak diberi pembelaan sewajarnya.

Sebagai contoh, katanya, ialah kes seorang wanita yang digantung tidak bertali selama 20 tahun oleh suaminya kerana gagal memperolehi penyelesaian di Mahkamah Syariah sedangkan suaminya penagih dadah dan kerap memukulnya.

Wanita itu akhirnya terpaksa kembali ke pangkuan suaminya dan terpaksa pula menjaga lelaki itu yang sakit terlantar.

Bercakap pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat ketua-ketua Wanita Umno negeri di ibu pejabat Umno di sini, beliau berkata nama-nama peguam wanita yang terbabit sedang diteliti dan pengumumannya akan dibuat awal bulan depan.

Siti Zaharah yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjelaskan bahawa penubuhan panel peguam itu adalah tambahan kepada klinik guaman wanita yang sedia ada, yang kini memberi khidmat guaman dengan bayaran minimal kepada wanita-wanita bermasalah.

Katanya majlis diskusi dengan wakil badan-badan bukan kerajaan yang mengendalikan kes-kes wanita, Mahkamah Syariah, Pusat Islam serta badan-badan berkaitan akan juga diadakan bagi mendapatkan input bagaimana untuk menyelesaikan masalah-masalah berkenaan.

"Kita juga merancang mengadakan sesi khas dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada bulan Julai depan untuk tujuan yang sama," katanya.

Siti Zaharah berkata pergerakan itu akan menggunakan "keistimewaan" yang ada padanya untuk bertindak sebagai kumpulan pendesak bagi memastikan masalah-masalah wanita mendapat pembelaan dan diselesaikan segera.

-- BERNAMA

RA RON